

BERITA UTAMA

3 BERKENAN BERANGKAT
KE MAJLIS PERASMIAN
PEMBUKAAN MASJID
BAHARU MASJID
AS-SALAAM



KURSUS LATIHAN ASAS
KESIHATAN MENTAL

11 **INFO
PENGISLAMAMAN**
Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024



6 Sambutan Ulang Tahun
Penubuhan Masjid Kampung
Sungai Besar

7 Wakaf Buku
Masjid-Masjid Brunei
Darussalam

8 Program Huffaz
Islamic Camp 2024

9 KUPU SB Dipilih Menjadi Ahli
Majlis Tertinggi Apucen

10 Riadah Ukhuwah

DISEMBER

Jamadirawal/ **2024M**
Jamadirakhir 1446H Bil 12 • Tahun 36

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, *Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Mohamad Zeliha bin Ahad • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Dahlan bin Chuchu • Suriati binti Haji Ali Hussin • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA WAKTU PETANG

اللَّهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ.

Ertinya:

"Ya Allah! Dengan rahmat dan pertolongan-Mu kami memasuki waktu petang dan dengan rahmat pertolongan-Mu kami memasuki waktu pagi. Dengan rahmat dan pertolongan-Mu kami hidup dan dengan kehendak-Mu kami mati. Dan kepada-Mu tempat kembali (bagi semua makhluk)"

Lidah Pengarang

RAIH SYAFAAT DENGAN SELAWAT

Selawat adalah doa yang merupakan sanjungan kepada kebesaran Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam agar baginda selalu mendapat limpahan rahmat dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jua. Berselawatlah dengan niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala agar baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam selalu mendapat limpahan rahmat dari Allah jua. Anjuran untuk berselawat itu tercatat dalam al-Qur'an dan hadits:

Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan.

Terjemahan Makna Surah al-Ahzaab: 56

Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Umar bin al-Khaththab Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya doa itu tertahan (mengembang) antara langit dan bumi tidak dapat naik sedikit pun daripada itu sampai ia mengucapkan selawat kepada Nabimu Shallallahu 'alaihi wa sallam.

Adapun kelebihan selawat itu dijelaskan dalam hadits riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

Sesiapa mengucapkan selawat sekali kepadaku, Allah berselawat (memberi rahmat) kepadanya sepuluh kali.

Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

Manusia yang paling utama bersamaku (nant) pada hari Kiamat, ialah orang yang paling banyak mengucapkan selawat kepadaku.

Marilah kita melazimi amalan selawat ini dengan istiqamah. Ianya merupakan satu bentuk ibadah yang mudah dilakukan dan memberikan ganjaran yang luar biasa. Berazamlah kita untuk memperbanyakkan selawat dalam kehidupan seharian. ■

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN MASJID BAHARU MASJID AS-SALAAM

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menandatangani plak diiringi dengan laungan takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali semasa berangkat ke Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama di masjid berkenaan.

JUNJONGAN, Jumaat, 4
Jamadalakhir bersamaan 6
Disember - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Masjid Baharu Kampong Junjongan bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Berangkat sama ialah paduka

anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama bagi menandatangani plak dan diiringi dengan laungan takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut dan dikenali sebagai Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan.

Khutbah Jumaat disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan >>4
Haji, Kementerian Hal Ehwal m.s.4



KURSUS LATIHAN ASAS KESIHATAN MENTAL

Oleh : Mohamad Zeliha Ahad



PARA peserta bengkel bergambar ramai dengan Menteri Hal Ehwal Ugama.

psikologi dari perspektif Islam dan sains perubatan.

Para peserta juga diberi pendedahan mengenai teknik kaunseling, pendekatan psikologi Islamik, serta perbincangan tentang rawatan holistik dan bersepadu, termasuk latihan pengamalan teori secara praktikal melalui 'role plays.'

Seramai lebih kurang 20 peserta terpilih mengikuti Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental untuk Pemimpin Masyarakat, yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di bawah KHEU.

Pada minggu pertama kursus, para peserta mengikuti sesi suai kenal yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, serta diberikan taklimat penerangan oleh pegawai Unit Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Hal Ehwal Syariah; dan PDI, KHEU.

**JERUDONG, Rabu, 16
Jamadilakhir bersamaan 18
Disember** – Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental Untuk Pemimpin Masyarakat yang dikhususkan untuk para imam, ustaz, dan daie anjuran Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berakhir dengan Majlis Penutup yang berlangsung di Dar Al-Intishar, Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, serta pegawai kanan dan pegawai dari kedua-dua kementerian.

Majlis penutup dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan doa selamat, diikuti ucapan alu-aluan daripada Psikologis Klinikal, Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat

Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan, selaku pihak Penganjur Bersama.

Majlis itu turut diserikan dengan perkongsian pengalaman oleh salah seorang peserta kursus, iaitu Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup.

Kursus selama 12 minggu ini selesai dilaksanakan pada akhir bulan Oktober 2024, dan diisi dengan ilmu berkaitan kesihatan mental dan



TETAMU kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta kursus.



MASJID As-Salaam, Kampong Junjongan dibina dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dengan jumlah BND5.2 juta.

«3 m.s.3 Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali yang antara lain menjelaskan pembinaan masjid perlulah disertai dengan pengimarannya iaitu aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan bermanfaat yang direndah Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Beliau seterusnya menambah, antara usaha bagi memakmurkan dan menghidupkan masjid itu adalah dengan menjaga sembahyang berjemaah di dalamnya dan menjadikan masjid sebagai pusat penyampaian dakwah.

Sementara, Sembahyang Fardhu Jumaat diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan, Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim.

Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang tiga ekar dan pembinaan masjid baharu ini dimulakan dengan mendirikan tiangnya pada 18 Jun 2022.

Masjid tersebut merupakan masjid ketiga menggunakan peruntukan

perbelanjaan dari Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dengan jumlah BND5.2 juta.

Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan mempunyai kapasiti untuk menampung lebih kurang 1,600 orang jemaah.

Pelbagai kemudahan disediakan untuk memastikan keselesaan semua pengunjung seperti tandas dan tempat berwudhu termasuk tandas

dan tempat berwudhu untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).

Selain itu, masjid ini dilengkapi dengan bilik serbaguna, bilik pengurusan jenazah dan tempat letak kereta termasuk tempat letak kereta khusus untuk OKU.

Dengan pembukaan Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan ini dapat memberi keselesaan kepada penduduk kampung dan jemaah yang menunaikan sembahyang fardhu lima waktu dan Sembahyang Fardhu Jumaat. ■



SAMBUTAN ULANG TAHUN PENUBUHAN MASJID KAMPONG SUNGAI BESAR

Oleh : Dahlan Chuchu



TETAMU kehormat majlis Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa memimpin bacaan Ummul Kitab, surah al-Fatihah bagi memulakan acara.

SUNGAI BESAR, Selasa, 29 Jamadilakhir bersamaan 31 Disember - Masjid Kampung Sungai Besar kini meraikan sambutan ulang tahun penubuhannya yang ke-41 tahun dan diimarahkan dengan Majlis Khatam al-Qur'an berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Seramai 30 peserta khatam telah berjaya menyempurnakan bacaan kitab suci al-Qur'an 30 juz yang telah mengikuti sesi pembacaan al-Qur'an setelah selesai mengerjakan Sembahyang Fardhu Subuh. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga memimpin bacaan *Ummul Kitab*, surah al-Fatihah bagi memulakan acara.

Ketua Kampung Sungai Besar, Serdang dan Sungai Belukut, Leftenan

(B) Kolonel Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit juga selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar dalam ucapan alu-aluannya menzahirkan penghargaan terima kasih kepada pihak-pihak yang menjayakan program berkenaan dan berharap agar penglibatan peserta akan lebih ramai pada masa akan datang.

Majlis disusuli dengan bacaan surah-surah al-Qur'an bermula dari surah adh-Dhuhaa hingga surah an-Naas beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme yang juga mengepalai bacaan takhtim dan memimpin doa khatam dan doa kesyukuran.

Sementara Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh imam masjid, Pengiran Hasan Basri bin Pengiran Haji Ismail. Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban oleh para peserta khatam yang terdiri daripada jemaah tadarus subuh di masjid berkenaan.

Majlis telah dihadiri oleh Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram dan Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohidin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis diteruskan dengan sumbangan derma wang tunai dan baucar yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kepada seramai 18 orang anak yatim.

Turut hadir, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, muslimah, belia dan beliawanis serta jemaah masjid dan jua penduduk sekitarnya.

Adapun perasmian masjid berkenaan ditubuhkan pada 27 Rabiulawal 1404 Hijrah bersamaan 1 Januari 1984 iaitu pada hari Ahad, jam 6.00 petang dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Omar sebagai Menteri Pelajaran dan Menteri Kesihatan yang baharu dilantik pada ketika itu. ■

WAKAF BUKU MASJID-MASJID BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



PENYERAHAN buku wakaf "Masjid-Masjid Brunei Darussalam" yang disampaikan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Borneo Corporation kepada Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Jamadilakhir 1446 bersamaan 7 Disember - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menerima wakaf buku "Masjid-Masjid Brunei Darussalam" yang disampaikan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Borneo Corporation, Yang Mulia Dr. Haji Nasir Latif, bertempat di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Atur cara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin. Diikuti dengan ucapan daripada wakil Syarikat Borneo Corporation.

Seterusnya penyampaian wakaf buku "Masjid-Masjid Brunei Darussalam" oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai

Eksekutif syarikat berkenaan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan seterusnya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sumbangan wakaf tersebut kepada Yang Mulia Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid.

Sumbangan wakaf buku tersebut adalah bersifat amal jariah syarikat tersebut dan diharap setiap masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara akan memilikinya serta para jemaah masjid akan dapat manfaat darinya.

Buku berkenaan mengandungi banyak rujukan sejarah yang diketengahkan termasuk daripada kitab suci al-Qur'an; hadits Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa Sallam*, mengenai masjid dalam sejarah Islam dan sejarah masjid-masjid utama di Negara Brunei Darussalam, serta mengenai adab memasuki sesebuah masjid. Di samping itu, buku berkenaan juga

mengongsikan tentang pengalaman pengarangnya melalui lawatan-lawatan peribadi beliau ke masjid-masjid di luar negara.

Penerbitan buku "Masjid-Masjid Brunei Darussalam" adalah diharapkan sebagai sumber pengetahuan dan rujukan kepada orang ramai selain menjadi sumbangan ke arah pembangunan masjid-masjid Negara Brunei Darussalam di masa depan.

Pengarang buku "Masjid-Masjid Brunei Darussalam" iaitu Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim merupakan bekas Pengarah Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Beliau berkelulusan PhD dalam pengajian Antropologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia serta Sarjana Falsafah dalam Antropologi dari Cambridge University, United Kingdom. ■

PROGRAM HUFFAZ ISLAMIC CAMP 2024

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan semasa sesi bergambar ramai bersama peserta program tersebut.

KAMPUNG PULAIE, Ahad, 6 Jamadilakhir bersamaan 8 Disember - Al-Huffaz Management telah menganjurkan Program Huffaz Islamic Camp 2024 yang berlangsung selama empat hari tiga malam bermula 5 hingga 8 Disember bertempat di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie.

Program tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 30 peserta, terdiri daripada 16 peserta lelaki dan 14 peserta perempuan.

Majlis penutup Huffaz Islamic Camp 2024 dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku tetamu kehormat majlis yang kemudian turut menyampaikan sijil-sijil penyertaan kepada para peserta program.

Majlis penutup ini turut diserikan dengan kehadiran para ibu bapa dan penjaga peserta yang berkesempatan menyaksikan

pencapaian anak-anak mereka di sepanjang program berkenaan.

Para peserta juga diberikan peluang untuk mempersembahkan hasil hafazan mereka, di samping penyampaian sijil kepada peserta terbaik serta mereka yang turut terlibat, sambil mempamerkan perjalanan mereka sepanjang program ini.

Dianjurkan oleh Al-Huffaz Management dengan sokongan Urus Setia Program Keagamaan Belia, PDI, Program Huffaz Islamic Camp 2024 ini berjaya memupuk hubungan yang lebih mendalam dengan al-Qur'an sambil mencipta kenangan manis melalui pelbagai aktiviti bertemakan Islam, termasuklah menunggang kuda dan memanah yang berinspirasi sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam

Selain itu, peserta juga diberi peluang untuk memperkukuhkan kemahiran hafazan mereka, membangunkan semangat berpasukan, disiplin dan keyakinan dalam suasana yang menyeronokkan dan menyokong.

Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan merakamkan penghargaan kepada semua yang telah menyertai dan menyokong program tersebut.

"Kem ini bukan sahaja memberi peluang kepada generasi muda untuk mendalami al-Qur'an tetapi juga mencipta pengalaman bermakna yang menggalakkan mereka menghargai nilai-nilai Islam. Kami amat berbangga dengan semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua peserta sepanjang program ini," ujarnya.

Huffaz Islamic Camp 2024 telah menjadi bukti kejayaan dalam usaha untuk menginspirasi generasi muda agar lebih mencintai al-Qur'an dan mengamalkan sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam kehidupan seharian mereka. ■

KUPU SB DIPILIH MENJADI AHLI MAJLIS TERTINGGI APUCEN

Oleh : Azizah Hidup



RA'ES KUPU SB Profesor Madya Dr Abdul Nasir mengetuai Delegasi KUPU SB ke Sidang Kemuncak berkenaan.

CHONGQING, CHINA, Jumaat, 18 Jamadilakhir bersamaan 20 Disember - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) terpilih menjadi Ahli Majlis Tertinggi dalam Asia Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) bagi Pelaksanaan Rancangan Strategik APUCEN 2025 - 2027.

Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Tertinggi Sidang Kemuncak Ke-5 APUCEN yang berlangsung selama tiga hari bermula 17 Disember di Chongqing, China.

Hadir mengetuai delegasi kupu sb ke sidang kemuncak berkenaan, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Sidang Kemuncak APUCEN dianjurkan setiap tiga tahun dan sidang tahun ini diselenggarakan oleh Chongqing Perham Education yang merangkumi Mesyuarat Tertinggi APUCEN sebagai agenda utama di samping Pembentangan Kertas

Ucuptama serta Pembentangan Kongsi Sama Program dan Kegiatan Libat Sama Komuniti yang dilaksanakan oleh Ahli-ahli Universiti APUCEN antara tahun 2022 hingga 2024.

Menurut Penolong Pensyarah selaku Pegawai Perhubungan KUPU SB - APUCEN, Awang Ali Hardi bin Haji Mohamed, penyertaan KUPU SB dalam Sidang Kemuncak berkenaan merupakan satu peluang yang sangat berharga bagi KUPU SB untuk memperluas jaringan profesional dan membuka peluang kolaborasi, pertukaran pengetahuan dan pengalaman antara universiti serantau dan antarabangsa agar dapat membantu meningkatkan kualiti perancangan dalam melaksanakan Program Libat Sama Komuniti.

Penyertaan dalam Sidang Kemuncak berkenaan iaitu melalui sesi-sesi pembentangan daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang, KUPU SB mengenal pasti pendekatan-pendekatan baharu dalam

mengungkapkan projek atau Program Libat Sama Komuniti yang boleh diadaptasi di KUPU SB.

Akhirnya menurut beliau lagi, penyertaan dalam Sidang Kemuncak ini sekali gus memperkenalkan lagi KUPU SB sebagai sebuah Kolej Universiti Perguruan Ugama di arena serantau dan antarabangsa, selaras dengan objektifnya. KUPU SB turut mengambil bahagian dalam Sesi Pembentangan Kongsi Sama Kegiatan dengan melaporkan beberapa program dan inisiatif yang telah dilaksanakan.

Pembentangan pertama yang bertajuk 'Building Bridges: Community Engagement Initiatives by the Fundamental Knowledge Centre at KUPU SB' disampaikan oleh Penolong Pensyarah dan Timbalan Pengarah Pusat Ilmu Teras KUPU SB, Dayang Norhazimah Nadzirah binti Haji Misli yang berfokus kepada Program Libat Sama Komuniti dan khidmat masyarakat yang dilaksanakan dalam kurikulum KUPU SB.

Pembentangan kedua bertajuk 'Holistic Approaches to Enhancing Mental Well-Being among Students in Brunei Darussalam' dibentangkan oleh Penolong Pensyarah di Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman.

APUCEN merupakan rangkaian serantau institusi akademik pengajian tinggi berkenaan dengan galakan budaya penglibatan universiti-komuniti dengan cara yang proaktif, inklusif, holistik. ■

RIADAH UKHUWAH

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



TUTONG, Sabtu, 5 Jamadilakhir bersamaan 7 Disember - Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah dan Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) menganjurkan Program 'Riadah Ukhawah' yang membawa maksud 'Sukan Persaudaraan' bertempat di Pantai Seri Kenangan, Daerah Tutong. Seramai 150 orang peserta terdiri daripada muallaf dan non-muslim yang tinggal di Daerah Tutong mengikuti riadah tersebut.

Antara matlamat sukan tersebut diadakan adalah untuk menyahut Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai 'Menangani Gejala Mental' dengan menggalakkan gaya hidup yang sihat. Selain untuk mendorong semua peserta agar aktif dalam aktiviti kecergasan fizikal, ianya juga untuk menjalin hubungan yang akrab antara muallaf dan non-muslim di dalam masyarakat.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid

bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Tutong; Yang Mulia Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad, Pemangku Pegawai Daerah Tutong; dan Yang Mulia Awang Haji Azman bin Haji Musa, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong serta ahli-ahli rombongan daripada Pusat Da'wah Islamiah dan Unit Da'wah Daerah Tutong.

Program dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh pegawai daripada Unit Da'wah Daerah Tutong. Diikuti dengan

Ucapan Alu-aluan daripada ketua rombongan.

Seterusnya acara 'Riadah Ukhawah' dimulakan dengan senam aerobik diikuti sukan-sukan yang diaturkan mengikut kategori masing-masing. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh ketua rombongan kepada para pemenang.

Adapun Riadah Ukhawah ini, selain diharap untuk memupuk rasa persaudaraan, saling menghormati dan memahami pelbagai budaya, ia juga dapat menerapkan lagi syiar Islam kepada para muallaf khususnya, dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam amnya.

Majlis Pengislaman
DESEMBER
2024

وَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقُلْ لِي عَمَلٌ وَلَكُمْ عَمَلُكُمْ أَنْتُمْ بَرِيءُونَ مِمَّا أَعْمَلُ وَأَنَا بَرِيءٌ مِمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٤١﴾

Mafhumnya:

Dan jika mereka mendustakanmu (wahai Nabi Muhammad) maka katakanlah: "Bagiku amalanku, dan bagi kamu amalan kamu. Kamu berlepas diri daripada apa yang aku kerjakan dan aku berlepas daripada apa yang kamu kerjakan."

Surah Yuunus ayat 41

STATISTIK PENGISLAMAN
Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN PERPISAHAN DARIPADA DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK JEPUN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



KUNJUNGAN perpisahan dan bergambar bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam bersama Menteri Hal Ehwal Ugama.

BERAKAS, Rabu, 16 Jamadilakhir bersamaan 18 Disember - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan perpisahan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru. Majlis diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama pada kunjungan tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang

Mulia Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Yang Mulia Awang Haji Albi bin Haji Ibrahim serta Mr. Minowa Tomonori, Setiausaha Pertama, Kedutaan Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam.

Tuan Yang Terutama Maeda Toru telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

